

#KitaSelangor



**PEJABAT DAERAH
DAN TANAH
SABAK BERNAM
BULETIN 3 / 2023**



10

LANGKAH PENGUNDIAN



MASUK

1

- Sila masuk apabila dibenarkan oleh Anggota Polis yang mengawal setiap pintu masuk.

2

- Serahkan Mykad/Dokumen Pengenalan Diri dan Slip Semakan (sekiranya ada) kepada Kerani Pengundian Pertama.
- Tunjukkan kedua-dua belah tangan untuk diperiksa.



3

- Kerani Pengundian Pertama akan memberikan Mykad/Dokumen Pengenalan Diri pengundi kepada Kerani Pengundian Kedua untuk pengesahan.
- Pastikan No. Kad Pengenalan dan nama anda yang ditiptakkan oleh Kerani Pengundian Pertama adalah TEPAT.



4

- Bergerak ke hadapan Kerani Pengundian Kedua.
- Celupkan jari telunjuk tangan kiri ke dalam botol Dakwat Pilihan Raya apabila diminta oleh Kerani Pengundian Kedua.

5

- Terima Kertas Undi daripada Kerani Pengundian Ketiga.

KERANI-KERANI PENGUNDIAN POLLING CLERKS

- Kerani Pengundian Pertama akan membuat penandaan nama anda dalam Buku Daftar Pemilih Pilihan Raya apabila jari anda dicelupkan ke dalam botol Dakwat Pilihan Raya.

6

- Bergerak ke meja Ketua Tempat Mengundi (KTM) untuk meninggalkan telefon bimbit.



8

- Masukkan Kertas Undi dalam Peti Undi yang betul.





9

- Bergerak ke meja KTM sekali lagi untuk mengambil telefon bimbit.



7

- Maju ke petak undi dan tandakan 'X' pada ruang kosong bersebelahan dengan nama dan simbol calon dalam Kertas Undi dengan menggunakan pen. PILIH SATU CALON SAHAJA.



KELUAR

10

- Segera tinggalkan Tempat Mengundi setelah selesai mengundi.

UNDI ANDA ADALAH RAHSIA ☎ 03-8892 7000



spr.gov.my



spr.gov.my



@spr.gov.my



www.spr.gov.my

PROGRAM DAN AKTIVITI



https://www.selangor.gov.my/sabak_bernarnam.php



<https://twitter.com/compdtsbernarnam>



https://facebook.com/pejabat_sabak_bernarnam



2023

JULY

2023

KURSUS KESELAMATAN PERLINDUNGAN SERTA SESI COACHING SESSIONS

Kursus Keselamatan Perlindungan Serta Sesi Coaching Sessions yang disertai oleh staf pejabat dari pelbagai unit bersama unit Bahagian Khidmat Pengurusan yang menganjurkan program kursus ini bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka, Pejabat Tanah Daerah Sabak Bernam dan diadakan pada 4 - 6 Julai 2023 (Selasa-Khamis). Kursus ini bertujuan untuk mendidik kakitangan untuk prosedur keselamatan dan perlindungan sewaktu berada di dalam pejabat PDTSB.





**MAJLIS LAMBAIAN
PENGHARGAAN
YANG DI
HORMATKAN DATO'
HAJI BAHARIN BIN
HAJI MAT AKHIR,
DATO' ORANG KAYA
MAHA BIJAYA,
ORANG BESAR
DAERAH SABAK
BERNAM**



Majlis Lambaian Penghargaan Yang Di Hormatkan Dato' Haji Baharin Bin Haji Mat Akhir, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Sabak Bernam ini bertempat di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar dan pada 7 Julai 2023 (Jumaat). Selain kakitangan PDTSB dan MDSB, jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut hadir bagi meraikan perhargaan buat Yang Di Hormatkan Dato' Haji Baharin Bin Haji Mat Akhir, yang telah menaburkan khidmatnya selama 45 tahun sebagai Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Sabak Bernam.



Sentuhan AGRO MADANI PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Program Sentuhan Agro Madani Selangor ini bertempat di Sekin Resort, Sekinchan pada 18 Julai 2023 (Selasa). Selain jemputan buat kakitangan PDTSB, jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut hadir sama bagi menyambut rombongan sekaligus perasmian oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim bagi merancakkan lagi sektor ekonomi tempatan dan memeriahkan aktiviti pertanian agro desa.




MINI
KUUD
KARNIVAL USAHAWAN DESA

2023

@Sungai Besar

Buletin 3/2023



21 - 23 Julai 2023
10.00 pagi - 10.00 malam

Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor



Program Karnival Usahawan Desa ini berlangsung pada 21 - 23 Julai 2023 (Jumaat-Ahad) bertempat di Stadium Sungai Besar. Selain kakitangan PDTSB, jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut hadir sama bagi menyambut rombongan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri iaitu Tan Sri Zahid Hamidi bagi tugas perasmian bagi memeriahkan lagi aktiviti usahawan kecil dan sederhana desa.



SIMULASI BAGI PUSAT PENAMAAN CALON DAN PROSES BERKAITAN PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

Program simulasi bagi Pusat Penamaan Calon dan proses berkaitan ini bertempat di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar dan Dewan Seri Sekinchan, Sekinchan pada 27 Julai 2023 (Khamis). Petugas PDTSB dan jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut serta sebagai tenaga kerja dalam menjayakan proses pendaftaran dan hebahan calon ke media dan pengundi.




HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

Urusan Penamaan Calon ini bertempat di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar dan Dewan Seri Sekinchan, Sekinchan pada 29 Julai 2023 (Sabtu). Petugas PDTSB dan jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut serta sebagai tenaga kerja dalam menjayakan proses pendaftaran bagi wakil calon yang bertanding dan hebahan ke media dan pengundi.



TAKLIMAT DAN SEMAKAN PETI UNDI AWAL PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

Urusan Taklimat dan semakan Peti Undi Awal ini bertempat di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar dan Dewan Seri Sekinchan, Sekinchan berlangsung pada 7 Ogos 2023 (Khamis). Petugas PDTSB dan jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut serta untuk pendedahan dan melengkapkan prosedur sewaktu hari undi awal di sepanjang PRN Selangor ke-15.



HARI MENGUNDI BAGI UNDI AWAL PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

Urusan Taklimat dan semakan Peti Undi Awal ini bertempat di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar dan Dewan Seri Sekinchan, Sekinchan pada 8 Ogos 2023 (Selasa). Petugas PDTSB yang bertugas dan jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut serta bagi menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi awal sebelum bertugas di sepanjang PRN Selangor ke-15.



HARI MENGUNDI DAN SEMAKAN PETI UNDI POS PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

Program ini untuk sepanjang hari mengundi dan semakan Peti Undi Pos yang berlangsung pada 7-11 Ogos 2023 (Isnin-Jumaat) bertempat di Pusat Pengundian Khas bertempat di Bilik Bunga Mawar (BMM) PDTSB, bagi kawasan Sungai Panjang dan Sekinchan yang turut disertai kakitangan PDTSB, beberapa unit sepanjang pengundian dijalankan bagi petugas yang bertugas pada hari Mengundi Biasa (orang awam) bagi PRN Selangor ke-15.



TAKLIMAT DAN SEMAKAN ISI PETI UNDI BIASA PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

Urusan Taklimat dan semakan Isi Peti Undi Biasa ini 2023 bertempat di setiap Pusat Daerah Mengundi (PDM) bagi kawasan Sungai Panjang dan Sekinchan pada 11 Ogos 2023 (Jumaat). Petugas PDTSB dan jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut serta sebagai persiapan terakhir bagi petugas SPR pada esok hari Mengundi Biasa bagi PRN Selangor ke-15.



HARI MENGUNDI (BIASA) BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15

Hari Mengundi (BIASA) ini berlangsung bertempat di Pusat Daerah Mengundi (PDM) bagi kawasan Sungai Panjang dan Sekinchan pada 12 Ogos 2023 (Sabtu). Petugas PDTSB dan jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut serta sebagai petugas SPR untuk menguruskan segala hal mengundi biasa bagi PRN Selangor ke-15.





AUGUST


2023





PERTANDINGAN SELANGOR TOURNAMENT (SELSHOOT) INTER DISTRICT AND LAND OFFICERS 2023

Sepasukan dari wakil PDT SB telah terlibat dalam acara menembak mengikut kategori yang bertempat di Lapang Sasar Jugra, Rejimen Wataniah 502 Selama dua hari pada 5 - 6 Ogos 2023 (Khamis dan Jumaat). Setelah selesai pertandingan wakil PDT SB telah memenangi tempat ke-2 dalam acara tembak piring 100 meter.



Buletin 3/2023



**BULETIN
3/2023**

WATIKAH PERLANTIKAN BAHARU ORANG BESAR DAERAH SABAK BERNAM (OBD)



**Upacara watika
perlantikan pada 29 Ogos
2023 (Selasa). Upacara
rasmi oleh Istana
Kayangan Shah Alam
Selangor yang diketuai
oleh Duli Yang Maha
Mulia Sultan Selangor,
Sultan Sharafuddin Idris
Shah Alhaj Ibni Sultan
Salahuddin Abdul Aziz
Shah Alhaj dengan
pelantikan Orang Besar
Daerah baharu bermula 1
Ogos 2023.**



Kejohanan ini merupakan salah satu penyertaan oleh wakil atlet PDTSB yang mana terdiri daripada 10 pasukan Pejabat Daerah yang menyertai bagi merebut gelaran Juara Sepak Takraw PETANDA 2023 yang bertempat di Kelab Sukan Proton, Tanjung Malim pada 19 Ogos 2023 (Sabtu).

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW (LELAKI) SUKAN PETANDA 2023



KURSUS EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DO- IT-YOURSELF (DIY) PRINSIP, PROSEDUR DAN AMALAN BERPERINGKAT



Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan amalan kerja yang lebih teratur dan bersistematik sesuai mengikut piawaian EKSA. Kursus pada 22 Ogos 2023 (Selasa), sekitar masa 8.00 pagi - 4.30 petang yang bertempat di D' Muara Marine Park Sungai Haji Dorani.





AUDIT PEMBAHARUAN PERSIJILAN MS ISO 9001:2015

Pada 28 Ogos-30 Ogos 2023 (Isnin-Rabu) yang lalu, wakil PDTSB memulakan mesyuarat dan majlis untuk perbincangan bersama dengan pihak SIRIM untuk audit pembaharuan Persijilan MS ISO 9001:2015. Pembaharuan Persijilan ini adalah untuk memastikan kualiti dan amalan pengurusan yang lebih berkualiti.



PROGRAM "Qur'an Hour" PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM




Pada 30 Ogos 2023 (Rabu). PDTSB mengikut seruan umat Islam dan saranan kerjaan Selangor dalam memperkasakan bacaan kitab suci Al-Quran melalui program Qu'ran Hour yang disertai oleh beberapa wakil unit bertempat di Bilik Bunga Cempaka.



LATIHAN KAWAD KAKI PERARAKAN KEMERDEKAN KE-66 KONTINJEN PDTSB PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Warga PDTSB turut menyahut cabaran kerajaan negeri selangor untuk menyertai kawad kaki dan perarakan kemerdekaan Malaysia ke-66. Terdiri dari pelbagai unit yang terlibat untuk meningkatkan kemahiran berkawad selama dua minggu iaitu pada 15 - 25 Ogos 2023.



PERBARISAN KONTINJEN PDTSB BAGI PERARAKAN KEMERDEKAAN KE-66 PERINGKAT NEGERI SELANGOR



Pada 28-30 Ogos 2023 (Isnin-Rabu) bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Program ini turut dihadiri oleh pelbagai agensi kerajaan dan orang awam. Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari turut hadir merasmikan program tersebut. Kontinjen PDTSB mendapat tempat ke-3 bagi kategori PEJABAT DAERAH DAN TANAH.



Do more of what you love

HEALTH

Do things at your own pace. Life's not a race.

SEP TEMBER BER

20 23

inspire

TRUST YOURSELF. YOU CAN DO THIS.

stay inspired
stay inspired
stay inspired
stay inspired

Just living my best life

STOP DREAMING AND START DOING

Happiness

CAREER



KONVENSYEN INOVASI PTGS 2023

Konvensyen INOVASI PTGS 2023 anjuran PTGS yang bertempat di Ballroom Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz pada 5 September 2023. kumpulan KIK yang ditubuhkan oleh "9 Revolution" yang terdiri daripada wakil unit Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam telah menghasilkan sebuah sistem E-Warta 62 hasil sumbang saran dan komitmen mereka seterusnya bertanding di Konvensyen INOVASI 2023. Setelah selesai bertanding mereka mendapat Anugerah Persembahan Terbaik dan Juara secara keseluruhan.



"Antara projek sistem paling terbaik secara keseluruhan dibawah penilaian saya", Juri KIK PTGS.





PELAKSANAAN AKTIVITI SIMULASI KAUNTER SPOC SISTEM E-TANAH DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

Aktiviti ini adalah untuk program simulasi kaunter SPOC sistem E-Tanah bagi semua kaunter urusan tanah dan unit berkaitan. Bermula 9.00 pagi - 12.30 tengahari pada 16 September 2023 (Sabtu), latihan dan pendedahan terkini yang diberikan bukan sahaja unit PDTSB malah juga kepada pihak yang hadir bersama iaitu Puncak Tegap Sdn Bhd (PTSB), Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG), Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS), Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor (PDTKS), Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor (PDTHS).



KEMPEN KESEDARAN DAN PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI DAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAERAH SABAK BERNAM TAHUN 2023

**KOLEJ TINGKATAN ENAM
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA**
45200 SABAK BERNAM, SELANGOR
TEL: 03-27161308 FAKS: 03-27161810

**KOLEJ KOMUNITI
SABAK BERNAM**

**POLITEKNIK
MALAYSIA**
SULTAN ISHDIR SHAH



Kempen Kesedaran Dan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Dan Kempen Keselamatan Jalan Raya Daerah Sabak Bernam Tahun 2023 ini bertempat Dewan Tun Razak, Pekan Sabak Bernam, Selangor yang dijalankan bermula 8.00 pagi-2.00 petang pada 23 September 2023 (Sabtu). Program ini disertai oleh beberapa institusi pendidikan dan unit penguatkuasa yang turut sama memberikan ceramah pendedahan ilmu dan juga sesi mengumpul minyak masak terpakai dari masyarakat setempat.

**Buletin
3/2023**





KEJOHANAN BOLA JARING (WANITA) SUKAN PETANDA 2023

Kejohanan Bola Jaring (Wanita) Sukan Petanda 2023 ini yang bertempat di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 23 September 2023 (Sabtu). PDTSB telah menghantar 1 pasukan bola jaring bagi menyertai acara ini dan seramai 10 pasukan yang bertanding.



JUTAAN TERIMA KASIH

**TUAN AMRI BIN ISMAIL
ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH
ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR
ENCIK MUHAMAD FARHAN BIN IBRAHIM
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM
TUAN MOHAMMAD SUHAIMI BIN TUAN PA
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD
PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL
ENCIK SARIFUDIN BIN MOKHTAR
ENCIK FADZIL HANAFI BIN MOHAMAD
NURSABRINA BINTI MOHD. SALEH
MUHAMMAD SYAFIQ BIN SAHARI**

**DAN SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG
TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU
TIDAK LANGSUNG DALAM
MENJAYAKAN BULETIN PDTSB BIL. 02/2023
(JULAI HINGGA SEPTEMBER 2023)**